

Ahad, 27 September, 1981

Komanwel masih perlu

MELBOURNE, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata pertubuhan Komanwel masih perlu ada, tetapi menegaskan langkah-langkah perlu diambil ekoran dari perundingan tentang masalah-masalah oleh ketua-ketua negara anggota.

Dalam temuramah dengan sebuah akhbar Melbourne, The Age, yang disiarkan di sini hari ini, Perdana Menteri berkata beliau menyedari yang Komanwel mempunyai beberapa kebaikan dan Malaysia perlu menjadi anggota.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Komanwel perlu tetapi ada perbezaan antara persidangan ketua-ketua negara Komanwel dan pertubuhan itu sendiri.

"Tidak memadai yang ketua-ketua negara Komanwel berbincang,

tetapi perbincangan itu harus diikuti dengan langkah-langkah positif."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia